

Nong Chik: 'Hanya kurang RM82' jika kadar faedah skim rumah KWSP dikurangkan
The Malaysian Insider
14 Mac , 2012
Oleh Shannon Teoh

KUALA LUMPUR, 14 Mac — Putrajaya menolak saranan mengurangkan kadar faedah skim kontroversi RM1.5 bilion pinjaman rumah oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk golongan yang tidak layak membuat pinjaman dengan bank komersial.

Datuk Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin berkata, di bawah kadar sedia ada sebanyak 6.5 peratus, pinjaman bernilai RM36,100 selama 25 tahun, bayaran bulanan adalah sebanyak RM243.

"Sekiranya kadar tersebut diturunkan kepada 2.5 peratus, ia akan berkurangan RM161. Perbezaan cuma RM82. Ini hanyalah helah pembangkang," jelas Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar itu di Parlimen.

Raja Nong Chik mengejutkan masyarakat Januari lalu apabila mendedahkan rancangan pinjaman untuk membenarkan 20,000 penyewa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang tidak layak membuat pinjaman, untuk membeli rumah melalui pinjaman RM1.5 bilion daripada KWSP.

Pemimpin pembangkang telah menggesa kerajaan memberikan pinjaman mudah dengan kadar faedah 2 peratus, kadar sama yang diberikan kepada keluarga Datuk Seri Shahrizat Jalil untuk RM250 juta untuk projek Pusat Fidlot Nasional.

Kesatuan kakitangan awam Ceupacs turut menuntut pengurangan kadar faedah kepada 3.5 atau 4 peratus kerana "matlamat utama bukanlah untuk mendapatkan keuntungan, sebaliknya membantu golongan berpendapatan rendah ini memiliki rumah."

Nong Chik turut menolak cadangan untuk menjual rumah tersebut dengan perjanjian mudah dengan perjanjian jual beli untui unit yang sama sebagaimana contohnya RM 124 sebulan bagi kadar sewa.

"Jika mereka hanya bayar RM124 sebulan, ia akan mengambil masa 50 tahun. Pada masa itu mereka mungkin sudah meninggal dunia sebelum dapat menikmati kelebihanannya," kata senator tersebut.

The Malaysian Insider minggu lalu telah melaporkan rancangan untuk meminjam daripada KWSP untuk pembeli yang tidak layak untuk mendapatkan pinjaman menghadapi jalan buntu terhadap syarat keselamatan yang dituntut oleh dana terbesar pencen negara itu.

KWSP pada 8 Febuari lalu telah mengadakan perbincangan dengan kerajaan namun perjanjian tersebut tidak menyatakan persetujuan untuk sejumlah RM300 juta dipinjamkan kepada jawatankuasa khas berkaitan Yayasan Wilayah Persekutuan (FTF).

Yayasan berkenaan diketuai oleh Raja Nong Chik.

Menteri itu bagaimanapun di Parlimen hari ini berkata KWSP telahpun menandatangani "polisi persetujuan terhadap pinjaman RM1.5 bilion" untuk skim perumahan tersebut.

Beliau sebelum ini berkata pinjaman tersebut adalah selamat dan dijamin oleh Dewan Bandaraya, agensi kerajaan, dan pelaburan daripada pembayaran oleh pemilik rumah.

Senator Umno itu turut menjelaskan beliau menjangkakan "tidak lebih dari 10 peratus (peminjam) akan terkesan.

Namun begitu sama ada kerajaan mahupun pengurusan KWSP belum menjelaskan mengapa gunakan wang KWSP dan bukannya dana daripada kerajaan, digunakan untuk bantuan pembiayaan kepada mereka yang tidak berkemampuan mendapatkan pembiayaan bank tersebut.

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/nong-chik-hanya-kurang-rm82-jika-kadar-faedah-skim-rumah-kwsp-dikurangkan/>